



**MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 2**  
**MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 2**  
**MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 2**

Friday 6 May 2005 (morning)

Vendredi 6 mai 2005 (matin)

Viernes 6 de mayo de 2005 (mañana)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the Part 3 works you have studied. You may include in your answer a discussion of a Part 2 work of the same genre if relevant. Answers which are not based on a discussion of at least two Part 3 works will not score high marks.

**INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS**

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Traitez un seul sujet de composition. Vous devez baser votre réponse sur au moins deux des œuvres de la 3<sup>e</sup> partie que vous avez étudiées. Le cas échéant, vous pouvez inclure dans votre réponse une discussion sur une œuvre du même genre littéraire étudiée dans la 2<sup>e</sup> partie du programme. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la 3<sup>e</sup> partie n'obtiendront pas une note élevée.

**INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS**

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Elija un tema de redacción. Su respuesta deberá basarse en al menos dos de las obras estudiadas en la Parte 3. Se podrán hacer comentarios sobre una obra de la Parte 2 del mismo género, si fuera necesario. Las respuestas que no incluyan una discusión sobre al menos dos obras de la Parte 3 no recibirán notas altas.

**Jawab satu soalan eseai sahaja. Jawapan anda hendaklah berdasarkan sekurang-kurangnya dua daripada karya-karya yang anda kaji dalam bahagian 3. Anda boleh memasukkan ke dalam jawapan anda perbincangan dari satu karya dalam bahagian 2 dari genre yang sama sekiranya ada perkaitan. Jawapan-jawapan yang tidak berdasarkan perbincangan dari sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3, tidak akan mendapat markah yang tinggi.**

### Cerpen

#### 1. Sama ada

- (a) Cerpen yang baik sepatutnya hanya mengemukakan cerita yang berkisar dalam satu jangkamasa yang pendek dan menumpukan kepada dua watak penting sahaja. Sejauh manakah benarnya kenyataan ini berdasarkan kesan yang anda rasakan melalui cerpen-cerpen yang telah anda kaji?

Atau

- (b) Cerpen yang dikarang dengan menggunakan bahasa yang ringkas dan padat adalah lebih menarik dan berkesan dari segi penceritaannya berbanding dengan gaya bahasa yang panjang lebar. Sejauh manakah kenyataan ini benar berdasarkan cerpen-cerpen yang anda kaji?

### Drama

#### 2. Sama ada

- (a) Salah satu kecenderungan drama Melayu moden ialah mengadakan dialog-dialog yang abstrak atau sukar difahami. Dengan merujuk kepada drama-drama yang anda kaji,uraikan aspek ini dan bincangkan tujuan penulis skrip itu dan kesannya kepada pembaca.

Atau

- (b) Drama Melayu moden lebih banyak bersifat simbolik dengan tujuan untuk mengkritik kepincangan dalam masyarakat atau ketidak-adilan sosial. Dengan merujuk kepada drama-drama yang anda kaji, bincangkan bagaimana tema ini disampaikan.

## Novel

### 3. *Sama ada*

- (a) Novel-novel yang baik sepatutnya mengandungi unsur-unsur yang bermanfaat kepada pembacanya. Bandingkan cara-cara bagaimana pengarang-pengarang mengemukakan unsur-unsur yang bermanfaat yang terdapat dalam novel-novel yang anda kaji. Huraikan dengan contoh-contoh yang jelas dan bincangkan kesannya kepada diri anda.

*Atau*

- (b) Sebuah karya yang baik dan menarik harus menggunakan teknik-teknik penceritaan seperti aliran kesedaran, monolog dalaman, imbas kembali, imbas kedepan dan lain-lain lagi dengan sebanyak mungkin dan sekiranya mungkin yang boleh. Berikan pendapat anda berdasarkan novel-novel yang anda kaji.

## Prosa Tradisional

### 4. *Sama ada*

- (a) Jalan cerita prosa tradisional lebih tertumpu kepada watak-watak dari kalangan raja-raja dan pembesar istana. Berdasarkan dua karya tradisional yang anda kaji, huraikan pemaparan imej dan peranan rakyat biasa yang bukan dari kalangan orang-orang istana.

*Atau*

- (b) Jalan cerita prosa tradisional banyak mengandungi unsur luar biasa. Berikan beberapa contoh unsur luar biasa yang terdapat pada karya yang anda kaji. Bagaimanakah pemaparan unsur-unsur ini mempengaruhi perkembangan cerita secara keseluruhan.

## Puisi

### 5. *Sama ada*

- (a) Gaya bahasa seseorang penyajak sering berbeza dengan penyajak yang lain, sehingga ia menjadi seperti satu identiti kepada seseorang penyajak itu. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan karya-karya daripada dua penyajak yang anda kaji.

*Atau*

- (b) Imej-imej alam semulajadi sering dijadikan unsur perlambangan dalam puisi. Bincangkan penggunaan imej-imej ini dan sejauh manakah ianya memberi kesan kepada mesej atau persoalan yang cuba disampaikan?

**Am**

**6. Sama ada**

- (a) Jenaka adalah satu unsur yang sering diselit dalam karya sastera. Ada pelbagai teknik yang digunakan untuk menimbulkan kesan jenaka; termasuklah melalui watak lucu, peristiwa dll. Berdasarkan dua atau lebih karya yang anda kaji bincangkan, dengan contoh yang jelas, beberapa unsur-unsur jenaka dan teknik pemaparannya.

*Atau*

- (b) Untuk memikat minat dan imaginasi pembaca yang berpanjangan, sesuatu karya harus mengemukakan perkara-perkara yang ideal. Sejauh manakah anda bersetuju dengan kenyataan itu dengan merujuk kepada karya-karya yang anda kaji.

*Atau*

- (c) Pemaparan perwatakan dan peranan wanita dalam karya-karya menunjukkan perbezaan sudut pandangan oleh pengarang-pengarang yang berlainan. Dengan merujuk kepada karya-karya dari dua atau tiga pengarang yang berlainan, bincangkan kenyataan di atas.

*Atau*

- (d) Sejauh manakah latar belakang sosial, khususnya bagi sesuatu masa silam atau pertempatan terpencil, yang digambarkan dalam sebuah karya itu memberi kefahaman dan imej yang jelas kepada anda? Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada beberapa karya sama ada berbentuk prosa maupun puisi.
-